

**M'sia dan Singapura Perlu Terus Pupuk Interaksi Antara Rakyat - Agong
Bernama
Mei 19, 2014
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 19 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mahu Malaysia dan Singapura terus memupuk interaksi antara rakyat kedua-dua negara, terutama golongan muda.

Baginda bertitah ini bagi memastikan persahabatan yang terjalin antara kedua-dua negara akan terus kukuh dalam tahun-tahun mendatang.

Tuanku Abdul Halim bertitah demikian dalam jamuan negara sempena lawatan baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah ke republik ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Singapura Teo Chee Hean, Menteri di Pejabat Perdana Menteri Lim Swee Say, Menteri Kerja Raya Malaysia Datuk Fadillah Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura Datuk Husni Zai Yaacob.

Dalam titahnya baginda turut menyentuh hubungan rapat antara Malaysia dan Singapura.

"Kita berkongsi sejarah, kebudayaan dan wawasan. Raja Permaisuri dan beta amat gembira hubungan dua hala antara kedua-dua negara semakin ke hadapan sejak kali terakhir kita bertemu di Malaysia.

"Pada April lepas, kedua-dua perdana menteri kita bertemu dalam Pemukiman Pemimpin Tahunan Kelima di Putrajaya. Kami gembira negara kita terus bergerak ke hadapan," titah baginda.

Tuanku Abdul Halim bertitah baginda berdua yakin pelbagai inisiatif yang dipersetujui oleh kedua-dua negara akan terus menambah baik kesalinghubungan antara Malaysia dan Singapura, sekali gus merapatkan lagi hubungan ekonomi serta rakyat dan menyumbang ke arah pembentukan Komuniti Asean pada 2015.

Sememangnya hubungan antara kedua-dua kerajaan ini penting, namun pada masa yang sama kita juga harus memupuk dimensi kemanusiaan dalam hubungan kita, titah baginda.

"Angka yang besar rakyat menyeberangi sempadan semasa hari raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan cuti sekolah merupakan testimoni betapa rapatnya hubungan kita," titah baginda.

Tuanku Abdul Halim turut memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus menjadi sahabat dan rakan kongsi Singapura dalam membentuk masa depan bersama demi kemakmuran kedua-dua negara.

Seri Paduka Baginda berdua berangkat tiba di sini pada Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039518>